

MASA DEPAN TEKNO-DAEI DI MALAYSIA

Isma Rosila Ismail
Kolej Universiti dan Teknologi Malaysia

Pengenalan

" Bacalah (ya Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan. Telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu amat pemurah. Yang mengajarkan (menulis) dengan pena. Yang mengajarkan kepada manusia apa-apa yang tiada diketahuinya." (Surah Al-A'laq : 1-5)

Sejak lama dahulu, pendakwah sering mencari jalan untuk berdakwah menggunakan pelbagai cara. Mereka akan cuba untuk seiring dengan perubahan zaman demi untuk bersaing dengan pendakwah-pendakwah agama lain. Jika dibandingkan dengan zaman terdahulu, kini lebih banyak pilihan cara untuk berdakwah. Dengan perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), masyarakat Islam kini sepatutnya mengambil peluang untuk menyebarkan agama Islam dengan lebih mudah.

Pada zaman Khalifah Uthman r.a, Al-Qur'an didokumentasikan menggunakan tulisan tangan dan mengambil masa yang lama. Ini memberi kesan dalam penyebaran agama Islam pada masa dahulu. Penyebaran Islam memakan masa dan tidak efektif. Kini ada pelbagai cara untuk mendapatkan maklumat mengenai Islam, malahan semua maklumat kini di hujung jari sahaja. Maka adalah menjadi satu kerugian jika pendakwah pada zaman ICT ini tidak mempergunakan sepenuhnya kelebihan-kelebihan yang disediakan oleh ICT itu sendiri.

Dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi, kini pendakwah bukan sahaja dapat merentasi sempadan dunia malahan budaya dan agama. Penciptaan teknologi dapat menjimatkan banyak masa samaada dari segi pencetakan buku atau pun penyebaran maklumat. Pada kurun ke 20 revolusi komunikasi menjadi satu medium baru kepada masyarakat dunia. Televisyen dan radio menjadi satu kemestian pada semua manusia. Islam juga mendapat kebaikan dari perkembangan teknologi ini. Melaluinya disebarkan ajaran-ajaran Islam dan juga paparan-paparan yang bersesuaian kepada kumpulan sasar.

Selain dari penciptaan radio dan televisyen, kemunculan internet pada tahun 90-an memberi begitu banyak implikasi kepada perkembangan cara berdakwah di tahun-tahun berikutnya. Para pendakwah mula menggunakan pendekatan ini dalam menyebarkan agama Islam.

Latar belakang kajian.

Sejak kejadian 11 September 2001, Islam telah digambarkan sebagai agama yang negatif dan dikaitkan dengan keganasan oleh masyarakat Barat dan media Barat khususnya. Hakikatnya perkara tersebut tidaklah benar sama sekali. Apakah yang boleh dilakukan oleh masyarakat Islam? Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menerangkan apakah dia Islam dan apakah dia ajaran sebenar Islam. Dengan mengambil kesempatan di atas kewujudan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) ini, maka perlulah digunakan untuk menjelaskan perkara-perkara yang menjadi kekeliruan kepada masyarakat dunia. Kewujudan ICT perlulah dipergunakan sepenuhnya untuk menangkis apa saja maklumat-maklumat yang salah tentang Islam. Di sinilah peranan tekno-daie. Mereka perlu menjadi serba tahu samaada mengenai agama Islam ataupun mengenai kemahiran menggunakan teknologi terkini ini.

Signifikan kajian

Kertas kerja ini diharapkan dapat membuka mata masyarakat Muslim dan menjelaskan bahawa penggunaan ICT perlu dianggap sebagai satu nilai tambah kepada cara pendakwaan yang digunapakai sejak dulu. Dengan penjelasan tentang masa depan tekno-daei melalui kertas kerja ini, diharapkan dapat menyedarkan masyarakat Muslim betapa pentingnya wujudnya golongan tekno-daei ini bagi menyebarkan maklumat yang tepat dan benar mengenai Islam melalui penggunaan ICT sepenuhnya.

Skop

Kertas kerja ini akan membincangkan tentang konsep tekno-daei, ciri - cirinya dan masa depan tekno-daie di Malaysia khususnya.

Istilah dan Definisi

Dibawah adalah antara istilah yang sering digunakan dalam kertas kerja ini :

- a. Daei : istilah ini berasal dari bahasa Arab yang bermaksud pendakwah, yang mempunyai ilmu yang mendalam mengenai agama Islam dan menyebarkannya.
- b. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) - teknologi yang membolehkan manusia untuk berhubung tanpa mengira sempadan masa, tempat, budaya , perbezaan bahasa dan warna kulit dengan menggunakan pelbagai alatan teknologi terkini seperti radio, televisyen, telefon bimbit, telefon, faksimili, internet, video konferen dan apa sahaja alatan yang seumpama dengannya turut serta di bawah kategori ini.
- c. Tekno-daei - seseorang individu atau sekumpulan yang mahir atau memahami agama Islam atau salah seorang daripada ahli kumpulan tersebut menyebarkan atau berdakwah menggunakan ICT sebagai medium penyebaran dakwah.
- d. Al-Qur'an / Qur'an - kitab suci agama Islam
- e. Penyebaran - dalam konteks ini " penyebaran " membawa maksud menyebarkan agama Islam dan maklumat-maklumat mengenainya tanpa mengira sempadan, masa, tempat, budaya, agama dan bahasa menggunakan pelbagai medium ICT.
- f. Maklumat - dalam konteks ini, "maklumat" bermaksud apa-apa sahaja ilmu atau maklumat berkenaan agama Islam secara asasnya atau terperinci yang mengandungi data atau teks yang berguna untuk penyebaran agama Islam kepada masyarakat amnya.
- g. Dakwah - istilah ini berasal dari bahasa Arab. Ia membawa maksud menyebarkan agama Islam dan menerangkannya dengan menggunakan apa sahaja cara selagi mana tidak bertentangan dengan ajaran Islam itu sendiri.

Objektif

Objektif kertas kerja ini menjelaskan tentang peri pentingnya kewujudan dan masa depan tekno-daei di zaman ICT ini dalam menjelaskan dan menyebarkan maklumat sebenar mengenai agama Islam.

Kewajaran kajian.

Dewasa ini masyarakat dunia dan Malaysia amnya menggunakan ICT dalam menyebarkan apa sahaja maklumat. Namun demikian ada segelintir yang menyalahgunakan kelebihan ICT ini dengan mengambil kesempatan menyebarkan maklumat yang salah mengenai Islam. Maka menjadi tugas dan tanggungjawab kepada golongan tekno-daei menjernihkan suasana. Walaubagaimanapun, masih ramai yang kabur siapakah tekno-daei dan bagaimana masa depan mereka dalam meneruskan misi suci menyelamatkan maruah agama. Kertas kerja ini akan membincangkan tentang masa depan golongan ini dengan lebih terperinci.

Metodologi

Kertas kerja ini menggunakan data sekunder dan analisis data dari sumber bercetak dan elektronik seperti buku-buku, kertas kerja, journal, petikan akhbar, laman-laman web, sumber internet dan majalah.

Definisi dan konsep Tekno-Daei

Definisi tekno-daei

Tekno-daei boleh dikatakan sebagai seorang muslim atau beragama Islam yang berdakwah menggunakan medium ICT. Menurut Shaikh Mohd. Saifuddeen (2003) tekno-daei bukan sahaja dikatakan seseorang yang mempunyai pengetahuan agama disamping pengetahuan tentang teknologi, malahan juga boleh berkemungkinan merupakan satu kumpulan individu atau jemaah yang mempunyai kepakaran mereka yang tersendiri. Dalam kumpulan tersebut boleh jadi ada yang pakar bidang agama dan ada juga yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi. Maka kedua-dua bidang ini digabungkan dan boleh membentuk satu bahan dakwah atau hasil dakwah yang inovatif, kreatif dan menarik untuk disampaikan kepada masyarakat menggunakan teknologi terkini. (Shaikh Mohd Saifuddeen, 2003). Boleh dikatakan jemaah tekno-daei ini adalah sekumpulan individu yang mempunyai latar belakang berbeza tetapi dengan satu matlamat iaitu berdakwah dan menyebarkan syiar Islam. Maka dari situ wujudlah kerjasama pintar dan sinergi antara golongan agama dengan golongan teknologis (Shaikh Mohd Saifuddeen, 2003).

Konsep tekno-daei.

Setiap individu Muslim bertanggungjawab untuk berdakwah. Tidak kira siapakah dia atau mereka. Asalkan beragama Islam, mereka bertanggungjawab untuk berdakwah. Tanggungjawab ini bukan hanya terletak di bahu para pendakwah profesional sahaja, tetapi pada semua yang beragama Islam sebenarnya. Maka konsep tekno-daei ini sebenarnya diaplikasikan kepada semua yang beragama Islam, mempunyai pengetahuan asas atau terperinci mengenai Islam dan menyebarkannya menggunakan kemahiran ICT atau apa-apa sahaja medium ICT, ataupun bergabung kepakaran dalam menghasilkan produk ICT selagi mana dapat menyebarkan atau berdakwah mengenai Islam kepada masyarakat. Dalam konteks ini ianya membuka peluang kepada golongan alim ulama' (yang mempunyai ilmu yang mendalam mengenai Islam) dan juga golongan teknologis (yang mempunyai pengetahuan asas mengenai Islam) dalam penghasilan produk dakwah menggunakan teknologi terkini supaya maklumat mengenai Islam dapat disampaikan dengan lebih cepat, berkesan dan tepat.

Ciri-ciri tekno daei

Siapakah sebenarnya tekno-daei?. Dibawah disenaraikan secara ringkas ciri-ciri tekno-daei:

- a. tekno-daei perlu mempunyai ilmu mengenai Islam samada mendalam atau pun yang asas.
- b. Tekno-daei perlu menguasai ICT bagi memastikan seiring dengan perkembangan teknologi.
- c. Tekno-daei perlulah berminat kepada teknologi.
- d. Tekno-daei perlulah sentiasa mengikuti perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat.
- e. Tekno-daei tidak boleh menyalahgunakan ICT untuk kepentingan sendiri.

- f. Tekno-daei perlulah mempunyai kod etika atau akhlak yang baik yang ditonjolkan melalui hasil penggunaan ICT samaada laman web atau apa-apa sahaja produk yang dihasilkan.

Analisis : Masa depan tekno-daei di Malaysia

Tanggungjawab tekno-daei

Peranan tekno-daei amat penting terutamanya di era millennium ini. Pendakwah era baru perlu sentiasa peka dan seiring dengan perkembangan zaman dan ICT. Hanya dengan cara itu mereka dapat berikan yang terbaik dalam penyebaran maklumat mengenai Islam. Harapan adalah besar kepada mereka untuk membetulkan permasalahan yang timbul berkaitan dengan penyebaran maklumat yang tepat mengenai Islam menggunakan kemudahan ICT.

Golongan tekno-daei mempunyai tanggungjawab yang berat, bukan sahaja terhadap diri mereka sendiri malahan kepada masyarakat amnya sama ada dalam atau luar negara, Muslim atau bukan Muslim. Mereka perlu memperlengkapi diri mereka dengan ilmu pengetahuan asas dan mendalam mengenai Islam supaya dapat membetulkan maklumat yang tidak tepat atau kurang tepat mengenai Islam. Dengan menggunakan segala medium ICT baik e-mel, laman web, aplikasi perbualan seperti ICQ, IRC, Yahoo Messenger atau MSN Messenger, forum dalam talian, penggunaan SMS, telefon mudah alih, animasi, program-program komputer dan sebagainya, diharapkan mereka boleh menjadi orang tengah bagi membetulkan keadaan yang dicipta oleh masyarakat Barat dan media Barat mengenai Islam, terutamanya selepas tragedi 11 September 2001.

Tanggungjawab mereka semakin mencabar dari tahun ke tahun. Semakin banyak medium ICT yang dicipta, semakin tinggi cabaran yang bakal mereka hadapi. Ini kerana teknologi sentiasa berubah dari bulan ke bulan, tahun ke tahun. Kemahiran dan ilmu mengenai alatan ICT perlu mereka kuasai. Walaubagaimanapun, suka diingatkan, tekno-daei bukanlah perlu bergerak bersendirian. Mereka juga boleh bergerak secara berkumpulan. Sebagai contohnya, alim ulama' menyediakan bahan kandungan, manakala pakar teknologis berperanan dalam menyediakan hasil menggunakan teknologi ICT terkini. Ini kerana umat Islam pada hari ini ketandusan dan kekurangan bahan-bahan berunsur Islam yang menggunakan ICT (Shaikh Mohd Saifuddeen, 2003).

Menurut Izwan Suhadak Ishak (2005), kita perlu serius dan bersungguh menjadi tekno-daei kerana pelanggan dan pengguna bagi produk yang tekno-daei pasaran ialah Islam. Manakala pelanggannya pula merujuk kepada Muslim dan penggunaanya pula merujuk kepada orang yang belum beragama Islam. Maka tugas tekno-daeilah yang memasarkan agama Islam yang benar dengan menyampaikan maklumat yang benar dan tepat mengenai Islam. Menurut beliau lagi (2005), alam siberlah yang menjadi mediumnya untuk tekno-daei menggunakan sepenuh daya usaha kreatif dan analitikal untuk mencari jalan yang terbaik dalam memasarkan agama Islam.

Menurut Tan Sri Ahmad Sarji, golongan tekno-daei penting kerana masyarakat hari ini dibesarkan dengan persekitara yang terdedah kepada ICT (Buletin IKIM, 2005). Manakala Shaik Mohd Saifuddeen (2003) pula menekankan rata-rata generasi hari ini adalah generasi yang celik IT dan "techno-savvy". Malahan jika dicari dengan kata kunci "Islam AND Malaysia" pada 14 November 2005, dapatan menunjukkan ada 3,180,000 maklumat yang berkaitan (Rujuk Jadual 1). Dan mungkin ada di antaranya tidak dapat dipastikan kesahihan maklumat yang dipaparkan. Maka disinilah bermulanya tugas golongan tekno-daei ini dalam memantau maklumat yang dipaparkan terutamanya di laman-laman web di dunia siber ini. Itu belum lagi kita mengambil kira segala aplikasi ICT yang lain seperti e-komuniti, e-mail, forum ditalian, SMS, MMS dan juga produk-produk ICT seperti CD dan

juga program-program komputer. Maka di sinilah terletaknya tanggungjawab golongan teknodaei untuk sama-sama mengembleng tenaga bagi memperbetulkan sebarang penyelewengan maklumat mengenai Islam yang seringkali diputarbelitkan oleh musuh-musuh Islam.

Menurut Shaikh Mohd Saifuddeen (2003) lagi, ICT dapat dimanfaatkan oleh tekno-daei menerusi dua cara :

- a. untuk mencari maklumat bagi memperkayakan ilmu pengetahuan pendakwah
- b. untuk menyampaikan mesej dakwah kepada orang ramai.

Maka terpulanglah pada tekno-daei itu sendiri untuk memilih platform yang paling sesuai untuk menyampaikan dakwah dengan menggunakan segala aplikasi ICT yang ada. Golongan inilah yang bertanggungjawab untuk membersihkan imej Islam di mata dunia. Ini kerana ada antara musuh-musuh Islam yang menjadi wakil tidak rasmi dalam memesongkan akidah saudara Muslim kita dan tidak kurang pula yang menokok tambah ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadis. Di sinilah terletaknya kepentingan tekno-daei dalam memenuhi permintaan pelanggan dan pengguna.

Jadual 1: Search Results

Results 11 - 20 of about 3,180,000 for [islam](#) **AND** [malaysia](#) - 0.26 sec.

Menurut Izwan Suhadak (2005), usaha golongan tekno-daei ini merupakan keuntungan atau pakej pelancongan pergi tak kembali ke syurga sepertimana firman Allah dalam *Surah At-Taubah :111*

“ Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang Muslim, diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka”

Kesimpulannya kewujudan mereka bukan sekadar memikul amanah dan tanggungjawab tetapi juga menabur benih untuk mengutip tuaian di akhirat kelak.

Usaha-usaha yang sedang, telah dan akan dilakukan oleh golongan Tekno-daei.

Tekno-daei mempunyai masa depan yang amat cerah di Malaysia. Banyak peluang dan ruang disediakan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk menggalakkan tekno-daei menjadi lebih aktif dan inovatif. Jangan dilepaskan peluang yang diberi oleh organisasi-organisasi terlibat dalam menggalakkan penggunaan ICT untuk berdakwah. Seperti yang telah dinyatakan, aplikasi ICT bukan hanya terhad kepada radio dan TV, malahan juga e-mel, internet, laman web, telefon bimbit, forum dalam talian, Yahoo Messenger, MSN Messenger, penggunaan SMS, MMS dan sebagainya.

Di bawah ini disenaraikan produk-produk penghasilan tekno-daei dari laman web badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan sebagai contoh:

1. www.ikim.gov.my
2. www.jakim.gov.my
3. www.iiu.edu.my
4. www.kuim.edu.my
5. www.islam.gov.my
6. www.abim.org.my

7. www.pkpim.net
8. http://myperkim.blogspot.com/2005_04_03_myperkim_archive.html
9. www.jawi.gov.my
10. www.jais.sarawak.gov.my
11. www.jais.net.my
12. jaip.perak.gov.my
13. jaim.melaka.gov.my

(sekadar menyenaraikan beberapa badan dan institusi)

Boleh dikatakan semua badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang ada kaitan dengan agama Islam mempunyai laman webnya sendiri. Hal ini perlu diberi perhatian kerana untuk terus menyebarkan ilmu Allah ini kita perlu selari dengan perkembangan masa.

Beberapa seminar dianjurkan bagi memperluaskan lagi konsep tekno-daei ini seperti yang dianjurkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada seminar Islam Hadhari bertarih 15 Februari 2005 yang lalu bertajuk "Bioinformatik Sebagai Alat Dakwah". Seminar mengenai tekno-daei juga pernah dianjurkan oleh IKIM pada Seminar Memahami Agama Islam Melalui Tekno-daei yang dianjurkan pada 25-26 Februari 2003. Sebenarnya seminar-seminar yang dianjurkan ini penting bagi memperjelaskan dan juga memperkayakan lagi para daei yang sedia ada supaya lebih memahami dan mengaplikasikan teori yang mereka pelajari kepada praktikal. Diharapkan dengan usaha kerajaan dan badan bukan kerajaan, golongan tekno-daei dapat mempergiatkan lagi usaha menghasilkan dan juga menambah produk-produk atau hasil ICT yang berasaskan dan berdasarkan keislaman.

Namun begitu ada beberapa produk hasil golongan tekno-daei ini dapat kita dilayari di dunia siber yang antara lain berfungsi sebagai perpustakaan maya, yang mengandungi maklumat mengenai Islam seperti www.e-pondok.net, www.islam.gov.my dan www.al-islam.com (sekadar menyebut beberapa laman web yang berkaitan). Laman-laman web ini juga berfungsi dalam memberikan nasihat, pandangan ulama dan juga hukum hakam yang berkaitan tentang amalan harian penganutnya. Ianya juga dikenali dengan panggilan "Cyber Taklim" (Norrodzoh@Nor Raudah, 2004). Pengguna juga boleh menerima maklumat mengenai waktu solat atau waktu berbuka melalui pesanan ringkas (SMS) dan juga MMS ke telefon bimbit pengguna. Banyak syarikat-syarikat telekomunikasi seperti DIGI, CELCOM dan MAXIS turut menggunakan cara yang sama dalam menyebarkan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh pengguna Muslim. Contohnya SMS Solat (www.digi.com.my), pengguna telefon bimbit boleh menghantar SMS untuk mendapatkan waktu solat di tempat anda. Ini semua adalah hasil gabungan dua kelompok golongan iaitu golongan ulama' dan juga golongan teknologis.

Golongan tekno-dai juga menghasilkan produk-produk ICT seperti CD dan juga program-program komputer. Sebagai contohnya Saba Islamic Media (www.saba.com.my) yang ditubuhkan pada tahun 1989 dan dikenali dengan produk-produk penulisan mengenai Islam sama ada dalam bentuk audio/video ataupun komputer media. SABA juga terlibat dalam kerja-kerja dakwah dan juga aktiviti sosial di Malaysia dan juga luar negara. Ini termasuklah dalam kerja-kerja mempromosikan keamanan yang melibatkan dialog antara agama dan juga ceramah berkenaan perbandingan agama. SABA juga dikenali kerana pernah mengagihkan Al-Qur'an secara percuma kepada hotel-hotel di Malaysia. Kini SABA dalam proses kerjasama bersama MESRA PETRONAS untuk menempatkan produk-produk yang dihasilkan di hentian-hentian MESRA yang terpilih. SABA bolehlah dikatakan sebagai satu pakej tekno-daei yang mengandungi pelbagai latar belakang penyumbang, sama ada yang berpengetahuan agama, ICT, berlatar belakangkan pengurusan perniagaan, komunikasi

dan sebagai. SABA juga boleh dianggap sebagai contoh yang baik kepada tekno-daei yang bercita-cita untuk melebarkan sayap sebagai ahli perniagaan.

Selain itu ada juga produk-produk ICT yang mendapat sentuhan dari pakar-pakar dalam bidang muzik seperti Album Nasyid Kanak-kanak TILMIZ terbitan Muazzin Productions (www.tilmiz.com.my) yang menggunakan animasi dalam pembikinan video klip album tersebut. Muazzin Productions juga turut menerbitkan dan mengedar bahan-bahan edutainment yang lain merangkumi:

- Produk audio (CD dan kaset)
- Produk video (VCD, DVD, rancangan televisyen dan klip video/MTV/Karaoke)
- Penerbitan bercetak (buku dan majalah)
- Produk multimedia (CD ROM dan bahan web)

Selain daripada Album TILMIZ, banyak juga album-album nasyid yang berada di pasaran diterbitkan dalam bentuk CD selain daripada bentuk konvensional seperti kaset.

Pengguna juga boleh melayari laman-laman web kumpulan-kumpulan nasyid ini untuk mendengar dan juga memuat turun lagu-lagu kegemaran mereka. Contohnya www.hijjaz.com.my, www.rabbani.com.my dan www.websnada.com (sekadar menamakan beberapa kumpulan nasyid). Laman-laman web yang diusahakan oleh individu atau orang perseorangan juga boleh dilayari antaranya www.nasyid.com dan www.saifulislam.com. Manakala untuk pengguna yang ingin mendengar radio berunsurkan Islam, Radio IKIM.fm boleh didengari dalam talian sepanjang 24 jam. Antara laman web yang boleh dilayari untuk mendengar Radio IKIM.fm ialah <http://myikim.net/v1/index.htm>. Laman ini berfungsi sebagai medan berkumpul bagi peminat dan pendengar Radio IKIM.fm untuk bertukar pendapat, berkenalan, berkarya & menyumbang info mengenai IKIM dan Islam secara online atau dalam talian. Dengan adanya maklumat Islam yang berbentuk hiburan ini dan dihasilkan pula dalam pakej ICT, diharapkan ianya dapat memperkembangkan dan memperkukuhkan lagi kepakaran golongan tekno-daei di Malaysia.

Kita juga boleh melayari produk-produk halal di dalam talian atau laman-laman web. Jika kita mencari menggunakan kata kunci halal dan Malaysia (carian pada 14 November 2005), dapatan carian berjumlah 226,000. Antara laman-laman web yang membantu :

1. halal.com.my
2. www.mihias.com.my
3. www.halagel.com/mly

Jadual 2: Search Results

Results 1 - 10 of about 226,000 for halal AND malaysia - 0.11 sec. ([About this page](#))

Ini adalah sebahagian contoh-contoh hasilan golongan tekno-daei yang bekerja dibelakang tabir. Kita tidak mengenali mereka tetapi golongan ini sekurang-kurangnya mengambil inisiatif berusaha untuk memartabatkan dan menjunjung agama Islam yang symul.

Selain daripada galakan dari kerajaan serta insititusi swasta, orang persendirian atau individu turut bergiat aktif dalam menyampaikan dakwah Islamiah kepada masyarakat. Mereka bergerak bersendirian maka maklumat yang mereka paparkan perlulah kita teliti terlebih dahulu. Ini kerana sesetengah laman web persendirian ini mempunyai agenda-agenda yang tersembunyi. Maka elokklah jika kita banding-banding dahulu

maklumat yang kita dapat dari laman web mereka dengan maklumat yang kita dapati dari laman web yang disahkan kesahihannya. Jika tidak ada sebarang percanggahan maka bolehlah melayari laman web persendirian tersebut. Antara laman-laman web individu yang boleh dijadikan contoh:

1. www.harunyahya.com
 2. <http://myikim.net/v1/index.htm>
- (sekadar menamakan beberapa laman web)

Masa depan golongan tekno-daei memang begitu memberangsangkan. Walaupun pada awal kewujudannya tidak ada nama tertentu kepada golongan ini, tetapi mereka sentiasa berkembang mengikut arus masa. Dengan bantuan-bantuan yang diberikan oleh kerajaan dan galakkan dari institusi dan organisasi bukan kerajaan serta usaha individu-individu, golongan tekno-daei diharapkan dapat menghasilkan satu produk atau penghasilan yang membantu untuk menyokong Islam dan juga mempromosikan Islam itu sendiri. Mereka diharapkan dapat mengeluarkan produk yang berkualiti, inovatif, kreatif dan berdaya maju kepada masyarakat khususnya di Malaysia bagi menangani segala maklumat-maklumat salah yang disebarkan oleh musuh-musuh Islam.

Cabaran yang dihadapi oleh golongan Tekno-daei.

a. Globalisasi, cabaran tanpa sempadan.

Tekno-daei tidak lepas dari menghadapi cabaran globalisasi. Cabaran yang bakal dihadapi oleh golongan pendakwah ini tidak bersempadan. Malahan mereka perlu sedar cabaran ini akan datang dalam pelbagai bentuk sama ada melalui kemudahan ICT yang seringkali digunakan ataupun melalui produk-produk ICT yang dihasilkan. Ini kerana dunia tanpa sempadan kadang-kadang membuatkan apa yang tidak boleh ditukar dahulunya, kini dengan senang boleh diubah sewenang-wenangnya. Sebagai contohnya membuat surah baru dalam Al-Qur'an, memberi gambaran yang kurang tepat mengenai Islam dan juga memaparkan maklumat-maklumat yang boleh memesongkan akidah umat Islam. Ini dibuktikan dengan penemuan laman-laman web yang sengaja mencabar kewibawaan agama Islam. Contohnya <http://answering-islam.org/>, maklumat yang diberikan perlu ditapis terlebih dahulu sebelum ditelan bulat-bulat kerana boleh menyesatkan.

b. Maklumat-maklumat salah dan palsu.

Ada juga antara maklumat yang dipaparkan samaada dilaman-laman web, yang dihantar melalui e-mel, SMS atau MMS dan sebagainya perlu ditapis terlebih dahulu kerana menyebarkan maklumat yang salah atau palsu. Inilah yang perlu diambil perhatian oleh golongan tekno-daei. Hanya mereka sahaja yang dapat memastikan dari pelayan atau sumber mana maklumat tersebut disebarkan. Bagi tekno-daei yang mahir dalam bidang agama, mereka ini pula perlu prihatin pada maklumat yang disebarkan melalui medium ICT ini. Sebarang percanggahan yang dijumpai perlulah diambil perhatian.

Maklumat-maklumat mengenai Islam kini seringkali diputarbelitkan oleh media Barat dan juga masyarakat Barat. Ini merupakan satu cabaran yang perlu ditangani oleh golongan tekno-daei. Mereka perlu lebih peka kepada dunia semasa bagi menangani sebarang penyebaran maklumat-maklumat salah dan palsu yang digembar-gemburkan oleh musuh-musuh Islam

c. Halangan bahasa

Ada sesetengah golongan tekno-daei yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris atau bahasa Arab. Kemahiran menguasai bahasa kedua amatlah penting untuk memantau maklumat-maklumat salah mengenai agama Islam. Kelemahan menguasai bahasa kedua

boleh merencatkan golongan tekno-daei untuk bersaing dan menghadapi cabaran yang tiada sempadan ini. Ini kerana kebanyakan laman-laman web yang memberikan maklumat-maklumat yang salah mengenai Islam biasanya menggunakan Bahasa Inggeris.

Mempelajari bahasa Inggeris bukan semestinya menjadi orang berbangsa Inggeris. Tetapi mempelajari bahasa asing adalah untuk memudahkan kita menjalankan kerja-kerja dakwah. Tanggapan bahawa mempelajari bahasa asing akan membuatkan akidah terpesong tidak boleh diterima akal. Bahasa dalam bentuk umumnya hanyalah satu ilmu yang termasuk dalam kategori ilmu alat, iaitu sebagai alat untuk berkomunikasi, mendapatkan ilmu dan sebagainya. Setiap bahasa mempunyai tatabahasa dan ragamnya yang tersendiri (Ismail Ibrahim, 2001), maka tidak ada salahnya mempelajari bahasa asing untuk menjalankan tanggungjawab kita sebagai Khalifah Allah di muka bumi ini.

Bukankah Allah menjadikan kita dari pelbagai bangsa, rupa dan juga dari pelbagai bentuk latar belakang. Alangkah ruginya jika kita masih tidak memanfaatkan apa yang Allah kurniakan kepada kita sedangkan orang lain telah menggunakan peluang ini sejak sekian lama. Buktinya banyak buku-buku lama dalam bahasa Arab telah diterjemahkan ke Bahasa Inggeris dan dipergunakan ilmu yang mereka dapat untuk membina tamadun Barat.

Kelemahan menguasai bahasa asing menyebabkan mereka cuba mengelakkan diri dari terlibat secara aktif dalam kegiatan dakwah Islamiah. Sikap sedemikian boleh melambatkan kerja-kerja berdakwah terutama dalam masalah yang memerlukan tindakan yang cepat dan tepat (Mohamad Shahir, 2001).

d. Menolak perubahan

Berdakwah secara konvensional bukan tidak bagus tetapi agak ketinggalan zaman. Adalah lebih baik untuk seseorang pendakwah itu peka dengan perubahan zaman dan teknologi pada era mereka. Malahan Saidina Umar pernah menasihatkan ibu bapa supaya mendidik anak mengikut zaman mereka. Namun begitu, bukan semua orang terutamanya pendakwah-pendakwah yang sudah biasa dengan cara konvensional dapat menerima perubahan ini. Ada antara mereka yang membuat tanggapan bahawa teknologi khas ICT lebih banyak memberikan keburukan. Walhal ianya bergantung kepada individu itu sendiri dalam mempergunakan ruang dan peluang yang ada untuk menggunakan kelebihan ICT.

Di zaman yang serba serbi pantas ini, untuk menjadi seorang tekno-daei atau golongan tekno-daei perlulah menerima segala perubahan dan pembaharuan yang berlaku. Kita tidak boleh menolak perubahan kerana masa akan sentiasa beredar. Tekno-daei perlu menghadapi ledakan ICT dengan ilmu dan juga kemahiran mempergunakannya untuk memastikan Islam sentiasa terpelihara dan terbela.

e. Kurang sensitif terhadap golongan sasaran

Seringkali apabila memperkatakan tentang dakwah, pasti ada golongan sasarannya. Namun begitu kadang-kadang hal ini terlepas pandang oleh pendakwah. Tekno-daei perlu mengetahui siapakah golongan sasaran mereka.

Jika kanak-kanak, apakah pendekatan yang mereka boleh gunakan supaya anak-anak ini mendapat maklumat mengenai Islam tanpa rasa bosan dan jemu? Begitu juga jika golongan sasarannya adalah remaja. Tekno-daei perlu menjadi lebih kreatif dalam menangani dan memenuhi permintaan golongan belia. Ini kerana mereka sudah didedahkan dengan ICT sejak dari kecil. Menjadi cabaran kepada tekno-daei untuk keluar dengan satu hasil yang boleh menarik golongan sasaran ini mendalami ilmu Islam tanpa rasa jemu dan bosan. Almaklum sahajalah, remaja atau belia bukan mudah untuk ditarik mendengar ceramah tanpa digabungkan dengan aplikasi ICT yang lain seperti audio video, LCD dan sebagainya.

Begitu jugalah halnya dengan golongan tua. Bagaimana untuk menghasilkan produk ICT yang dapat memenuhi keperluan mereka. Golongan ini biasanya mendengar ceramah hanya melalui radio, TV ataupun secara langsung di masjid-masjid dan surau-surau. Bagaimana untuk menarik minat mereka mengendalikan aplikasi ICT dan pada masa yang sama dapat menambahkan ilmu mengenai Islam.

Hal-hal seperti inilah yang menjadi cabaran kepada golongan tekno-daei. Mereka perlu menjadi lebih kreatif dan inovatif serta perlu membuat sedikit kajian lapangan bagi memastikan kaedah pendekatan yang betul kepada setiap golongan sasar. Bukan sekadar memasarkan produk ICT tetapi tidak menepati kehendak golongan sasar. Itu akan menjadi satu kerugian kepada kedua-dua belah pihak.

Cadangan

- a) Mengetahui pasti kehendak pengguna.
- b) Menubuhkan jawatankuasa pemantauan maklumat-maklumat salah mengenai Islam.
- c) Menubuhkan persatuan atau institusi khas golongan tekno-daei.
- d) Meningkatkan tahap keselamatan terhadap produk-produk ICT.
- e) Mewujudkan perintis dan juga pelapis kepada golongan tekno-daei.

Rumusan

Untuk menjadi seorang tekno-daei, golongan ini perlu bersedia menghadapi cabaran era ICT. Ini bagi memastikan masa depan mereka cerah dalam mengharungi cabaran dan menangani segala penyebaran maklumat-maklumat salah mengenai Islam khususnya. Golongan tekno-daei inilah yang akan memastikan masyarakat di luar sana menerima maklumat yang betul, tepat dan sahih mengenai Islam. Tanpa bantuan mereka, mungkin kita tidak berjaya menepis serangan-serangan liar dari musuh-musuh Islam yang sentiasa berusaha menggunakan apa jua cara dalam memusnahkan akidah dan pegangan masyarakat Muslim. Setiap Muslim perlu sedar yang mereka juga layak bergelar tekno-daei, maka usaha ini bukanlah usaha satu-satu golongan sahaja, malahan ianya adalah kerja berkumpulan. Diharapkan dengan penyatuan tenaga dari golongan ulama dan teknologis dapat memantapkan lagi golongan tekno-daei ini dalam menangani penyebaran maklumat salah mengenai Islam.

Rujukan

- Ismail Ibrahim. Isu Islam Semasa : Perbezaan bahasa tidak rosakkan akidah, Utusan Malaysia. 15 Mac 2001. <http://www.ikim.gov.my/bm/paparmedia.php?key=81> 10 November 2005
- Izwan Suhadak Ishak .Tekno-daei Merentas Alam Siber, 17 August 2005, <http://www.pkpim.net/modules/news/article.php?storyid=43> . 15 November 2005.
- Mohamad Shahrir Haji Abdullah. Berdakwah dalam Era Multimedia, Di Seminar “Islam dan Multimedia” di IKIM. 1 April 2001
<http://www.islam.gov.my/e-rujukan/lihat.php?jakim=469> 12 Oktober 2005.
- Norrodzoh @ Nor Raudah Hj Siren. “E-Dakwah: Kepentingan dan pelaksanaannya di Malaysia.” Di Seminar Kebangsaan Komunikasi ke-2 : Cabaran Pengurusan Komunikasi Di Era Digital, 18 - 19 Disember 2004.
- Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh. Golongan Tekno-daei perlu dilahirkan. Utusan Malaysia. (19 Disember 2003), <http://rencana.blogspot.com/2003/12/golongan-tekno-daei-perlu-dilahirkan.html> 13 November 2005.

